



## PUSTAKA NEGERI SARAWAK KENYATAAN SEBUTHARGA

1. Sebutharga adalah dipelawa kepada pembekal/kontraktor dimana Lesen Perniagaan mereka berdaftar di Sarawak dan mempunyai Lesen Unit Pendaftaran Kontraktor Negeri Sarawak (UPK) dalam kelas/kategori dan jenis pendaftaran yang ditetapkan serta mempunyai tempoh pendaftaran yang sah bagi kerja/bekalan seperti jadual dibawah:-

Bil	No. Sebutharga	Tajuk Sebutharga	Pendaftaran	Yuran Dokumen (RM)	Jenis Tawaran	Tarikh tutup dan masa penyerahan dokumen Sebutharga
(a)	PUSTAKA/NEWS PAPERS/1/2016	"Supply and Delivery of Newspapers to Pustaka Negeri Sarawak"	Kategori : C dan ke atas Kepala : VIII Sub-Kepala: 2	RM50.00	Terbuka	Isnin 25 Januari 2016 12.00 Tengah hari

2. Dokumen Sebutharga hanya akan dikeluarkan kepada pemilik atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis dan mereka hendaklah membawa sijil asal pendaftaran Unit Pendaftaran Kontraktor(UPK), sijil asal Lesen Perniagaan dan sijil asal Pengiktirafan Status Bumiputera (jika ada) berserta salinan.
3. Semua bayaran yang dikehendaki dalam kenyataan Sebutharga ini hendaklah dibuat secara tunai/cek atau Bank Deraf di atas nama **PUSTAKA NEGERI SARAWAK**.
4. Dokumen Sebutharga boleh diperolehi di:

**Pustaka Negeri Sarawak  
(Pejabat Pengurusan)  
Jalan Pustaka, Off Jalan Stadium  
93050 Petra Jaya, Kuching.**

\*sila datang pada waktu pejabat (8.00 pagi hingga 12.30 tengah hari dan 2.00 petang hingga 4.30 petang)

5. Dokumen Sebutharga yang lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang mempunyai catatan Nombor Sebutharga dan Tajuk Sebutharga dan hendaklah diserahkan kepada:

**Ketua Pegawai Eksekutif  
Pustaka Negeri Sarawak  
Jalan Pustaka, Off Jalan Stadium  
93050 Petra jaya, Kuching**

6. Hanya penyertaan Sebutharga dari pemilik yang sah akan dipertimbangkan.
7. Pengkelasan Sebutharga adalah muktamad dan sebarang rayuan tidak akan dilayan.
8. Pustaka Negeri Sarawak tidak terikat untuk menerima Sebutharga yang Terendah atau mana-mana Sebutharga.

**Ketua Pegawai Eksekutif  
Pustaka Negeri Sarawak**